



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

“Loteri UMNO, dan “Peraduan Warta”

Ismail ‘Abdul Rahman, Lorong Tok Semayan Kota baru Kelantan, bertanya: Apakah perbezaan di antara “Loteri UMNO” dengan peraduan yang dibuat oleh Warta, seperti peraduan memilih suara dan lain-lain lagi, apa hukumnya?

Jawab: Perbezaannya “peraduan Warta” dengan “Loteri UMNO” adalah seperti perbezaan langit dengan bumi.

Loteri UMNO ialah dipungut hasilnya daripada jualan tiket yang berharga seringggit, keputusannya, dua tiga orang yang menang tetapi beribu-ribu orang yang berhampa hati dan rugi. Banyak ruginya bergantung kepada banyak tiket yang dibeli.

Tetapi Warta tidak merugikan sesiapa. Tiap-tiap seorang pembaca membeli senaskah Warta dengan harga 20 Sen. Tiap-tiap seorang pembaca yang ingin memeras otaknya memilih sesuatu tekaan dalam peraduan Warta, tidak dikenakan apa-apa bayaran. Kalau dia berjaya maka syarikat Qalam Press Limited akan memberikan hadiah kepadanya kerana kejayaannya itu. Kalau pula dia tidak berjaya maka dia tidak rugi apa-apa, jelasnya syarikat penerbit akhbar Warta tidak mengambil barang satu sen pun daripada orang itu dengan jalan yang tidak dibenarkan syarak.

Anak Zina Menurut Pandangan Syarak

Muhammad Bin Mansūr Raub Pahang bertanya: Adakah anak zina itu sah ibadatnya dan bolehkah dijadikan imam?

Peringatan:

Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah bergunajuga untuk panduan pembaca-pembaca.

Jawab: di dalam Quran dan Hadis tidak ada keterangan yang menunjukkan anak zina itu tidak boleh menjadi imam dan tidak ada keterangan yang menunjukkan dia ada bersangkut paut dengan dosa ibu bapanya.

Saidatina ‘Aishah raḍī Allāh ‘anhu telah ditanya dari hal anak zina dan ia ada menerangkan bahawa anak zina itu tidak menanggung sedikit pun dari disa ibu bapanya. Saidatina ‘Aishah terus membacakan ayat:\

“*Walā taziru wāziratun wizra ukhra*”. Ertinya: “seseorang itu tidak menanggung dosa orang lain.”

Hussin al-Baṣrī pula berkata: “Anak zina dan orang lain adalah sama.” Yakni tidak ada bezanya dengan lain orang.

Tatkala di sana dari hal anak zina bolehkah ia menjadi imam atau tidak maka al-Zahrī menjawab: “Boleh! Apa pula salahnya?”

Banyak lagi keterangan sahabat-sahabat Nabi dan tabi‘īn yang menunjukkan anak zina itu tidak ada apa-apa cacatnya menurut pandangan syarak dan tidak ada sangkut pautnya dengan dosa zina ibu bapanya. Ibu bapanyalah yang bertanggungjawab dan berdosa.

Perempuan dan Sembahyang Jumaat

Sulaiman Bin ‘Abdul ‘Azīz, Kuala Muda Kedah bertanya: Adakah perempuan diwajibkan sembahyang Jumaat?

Jawab: Sembahyang Jumaat tidak diwajibkan di atas perempuan. Perkara ini telah diterangkan oleh Abū Dāwud

dalam suatu hadis sahih:

“Qāla al-nabī (SAW), al-jum‘atu haqq wajib ‘alā kulli Muslim fi jama‘at illa arba‘ah: ‘abd mamluk ‘aw imra‘ah aw sabiyy aw marīd.”

Ertinya: Nabi (SAW) bersabda: Jumaat itu suatu hak yang wajib atas tiap-tiap orang dengan berjemaah, melainkan empat: hamba milik orang, perempuan, anak kecil, dan orang sakit.”

Dalam pada itu jikalau perempuan atau yang lainnya itu kerjakan sembahyang Jumaat maka sembahyang mereka itu sah.

(sambungan dari muka 4)

penerbitan kita, buku “Imāran” yang kita terbitkan mendapat tentangan yang hebat, dikoyak dan seumpamanya. Tetapi di belakang, hampir-hampir setahun kemudiannya mereka akui apa yang tersebut itu benar belaka bahkan Tengku Abdul Rahman sendiri memberi tahniah kepada pengarangnya tatkala berjumpa di Kedah, iaitu masa baru-baru ia memegang jawatan Yang di-Pertua UMNO. Ia menggalakkan, pada masa itu, supaya tiap-tiap orang di Kedah membaca buku itu.

Oleh itu kita pulangkan semuanya kepada kebijaksanaan pembaca untuk memerhati dengan fikiran yang tenang sambil berharap mudah mudahan Tuhan memberi inayah dan pertunjuk kepada kita bersama. Ingatlah firman Allah (maksudnya) barang siapa menolong (agama) Allah, Allah akan menolong mereka itu- Amin.

Maulid Nabi Sharīf

Perayaan maulid seperti yang kita adakan ini sebenarnya tidak ada dilakukan pada zaman Rasulullah (SAW) dan zaman sahabat-sahabat kemudiannya. Yang demikian ini terjadi ia pada zaman tahun dahulu iaitu tatkala keadaan semangat

Islam tidak berapa marak-dan kerana menghendaki semangat itu bernyala semua pada zaman Ṣaliḥ al-Dīn al-Ayyūbī perayaan yang semacam ini diadakan di merata-rata tempat sehingga hari ini.

Oleh yang demikian tatkala kita menyambut di hari yang mulia ini yang di dalamnya kita menyambut tiga hari yang utama bagi hayat junjungan kita itu iaitu pada tarikh itu baginda diperanakkan, pada tarikh itu baginda dinabikan dan pada tarikh itu juga kemudiannya baginda wafat.

Di dalam masa hayat junjungan kita itu masnaya dihabiskan semata-mata untuk menyatukan umat di dalam suatu ikatan mengesakan kebesaran Allah, tidak ada yang berkuasa selain daripadanya, segala sesuatu tidak akan terjadi melainkan dengan kudrat dan iradatnya, dan kerana itulah umat dikehendaki mengabdikan diri kepadanya.

Sehari sebelum wafat maka Rasulullah (SAW) di dalam keadaan yang izar telah berkhotbah di Masjid Madinah yang di dalamnya telah berpesan supaya umat jangan tersesat maka hendaklah berpegang kepada kitab Allah dan sanāt Rasul-Nya. Di dalam kita memperingati hari yang mulia ini maka hendaklah kita menguatkan azam kita berpegang kepada kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya di dalam kehidupan kita sehari-hari menerima segala pengajaran dan suruhan serta menjauhi daripada melakukan segala mungkar yang ditegahnya.

Pada hari inilah juga kita wajib menghidupkan azam kita bekerja dan bersatu di dalam kalimat al-Tawḥīd- menegakkan ibadat dan mendirikan masyarakat Islam di dalam negeri kita dengan tidak gentar walau sedikit pun kepada halangan dan ancaman oleh pengkhianat-pengkhianat dan musuh-musuh Islam atau oleh mereka-mereka yang ertopengkan Islam kerana kita yakin di dalam mendirikan kalimah Allah yang Maha Mulia tinggi Inshā Allāh, Allah akan menolong kita adanya.